

Bil. S 4

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH (PINDAAN), 2018

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pindaan bab 2 dari S 69/2013
 3. Pindaan bab 220
 4. Pindaan bab 235
 5. Tambahan Jadual Keenam baru
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH (PINDAAN), 2018

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah (Pindaan), 2018 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Pindaan bab 2 dari S 69/2013

2. Bab 2 dari Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dengan memasukkan sejurus sebelum takrifan “anak” takrifan baru yang berikut —

“ “amalan atau upacara yang berkaitan dengan ugama Islam” termasuk sambutan Maulud Nabi, amalan menziarahi kubur, bertahlil, membaca Al-Qur'an sebelum memulakan tugas atau apa-apa amalan atau upacara yang berkaitan dengan ugama Islam sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Keenam;”.

Pindaan bab 220

3. Bab 220 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan “mempertikai, mempersoal,” sejurus sebelum “mencerca” dalam baris kedua.

Pindaan bab 235

4. Bab 235 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas perenggan *(b)* perenggan baru yang berikut —

“*(ba)* menghadiri atau mengambil bahagian dalam apa-apa amalan atau upacara yang berkaitan dengan ugama Islam yang lazimnya diamalkan di Negara Brunei Darussalam;”.

Tambahan Jadual Keenam baru

5. Perintah utama adalah dipinda dengan menambah Jadual baru yang berikut —

“JADUAL KEENAM
(bab 2)

AMALAN ATAU UPACARA YANG BERKAITAN DENGAN UGAMA ISLAM

- (a) Menghadiahkan pahala bacaan Al-Fatihah atan bacaan Al-Qur'an kepada orang yang telah meninggal dunia
- (b) Berdoa dan membaca Al-Qur'an di kubur
- (c) Membaca doa awal dan akhir tahun Hijrah
- (d) Membaca tiga kali surah Yassin pada malam Nisfu Sya'ban
- (e) Membaca surah Yaasin pada malam Jumaat
- (f) Sambutan memperingati Awal Tahun Hijrah
- (g) Sambutan Israk dan Mikraj
- (h) Sambutan Nuzul Al-Qur'an
- (i) Berdoa beramai-ramai selepas sembahyang berjemaah
- (j) Membaca wirid dan zikir secara *jahr* iaitu kuat atau nyaring beramai-ramai selepas sembahyang
- (k) Membaca basmalah dalam bacaan Al-Fatihah secara *jahr* iaitu kuat atau nyaring dalam sembahyang fardhu
- (l) Menyebut lafaz niat sembahyang dalam bahasa Arab sebelum takbiratul ihram
- (m) Membaca qunut dalam sembahyang fardhu Subuh
- (n) Sembahyang sunat sebelum sembahyang fardhu Maghrib
- (o) Sembahyang sunat *qabliyyah* sebelum sembahyang fardhu Jumaat
- (p) Sembahyang sunat hajat secara berjemaah
- (q) Sembahyang sunat Tarawih dua puluh rakaat

- (r) Membaca salawat secara *jahr* iaitu kuat atau nyaring di antara sembahyang sunat Tarawih
- (s) Sembahyang *qadha* bagi orang yang meninggalkan sembahyang fardhu dengan sengaja atau tidak
- (t) Menyapu muka setelah memberi salam selepas sembahyang
- (u) Bersalaman selepas sembahyang berjemaah
- (v) Membaca talqin semasa acara pengebumian
- (w) Amalan bertawassul dan bertabarruk
- (x) Mengangkat jari telunjuk tanpa menggerakkannya ketika *tahiyyah*
- (y) Meletakkan tangan sewaktu *qiym* di bawah dada semasa sembahyang”.

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1439 bersamaan dengan 27 haribulan Januari, 2018 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM